

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 23 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pupuk minat cipta roket	Utusan Malaysia
2.	Cabaran buru gelaran saintis angkasa	Utusan Malaysia
3.	Tiga lagi pemenang	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR  
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 8  
 TARIKH : 23 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

MegaSains



KATEGORI pembentangan dan inovasi merupakan salah satu platform buat peserta untuk mencipta roket mengikut idea dan kreativiti sendiri.



SEBAHAGIAN peserta bersedia untuk mempamerkan roket mereka dalam acara payung terjun di Padang Varsity Universiti Malaya.

# Pupuk minat cipta roket

PTPR jadikan sains angkasa sebagai sesuatu yang menyeronokkan di samping uji kemahiran peserta

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
 Gambar ABDUL RAZAK LATIFF

PROGRAM Angkasawan Negara (PAN) antara program strategik dalam bidang sains angkasa yang telah melakar anjakan paradigma kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya generasi muda dan penyelidik tempatan.

Sejajar dengan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensinya, Agensi Angkasa Negara (Angkasa) telah mengambil inisiatif menganjurkan Pertandingan Teknologi Pelancaran Rocket 2013 (PTPR) peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Memasuki tahun kesebelas penganjuran, PTPR merupakan salah satu aktiviti merentas kurikulum dengan penyertaannya dibuka kepada semua pelajar sekolah seluruh negara berusia antara 12 dan 16 tahun.

Program tersebut bermula sebagai projek perintis pada tahun 2003 yang mana pertandingan tersebut ketika itu melibatkan sekolah-sekolah dari seluruh Kuala Lumpur dan Selangor sahaja.

Bagaimanapun, penyertaan tahun ini dibuka kepada sekolah-sekolah di seluruh negara dan sekolah yang bergelar juara akan mewakili Malaysia ke pertandingan yang sama di peringkat rantau Asia Pasifik.

Menurut Ketua Pengarah Angkasa, Dr. Mustafa Din Subari, pertandingan tersebut dilihat mampu mendidik dan

menerapkan nilai para pelajar supaya berfikir secara kritikal dan di luar kelaziman biasa dalam pembangunan dan penghasilan roket mereka.

Tambahnya lagi, proses pemikiran, pemahaman dan pelaksanaan seperti inilah yang akan memberi peluang kepada mereka ini untuk mendapatkan maklumat terkini di samping menggunakan segala teori dan konsep-konsep yang dipelajari.

Selaras dengan objektifnya untuk membudayakan pendekatan kreatif dan inovatif di kalangan pelajar, pertandingan tersebut juga meliputi aspek-aspek teknikal seperti pembentangan projek, ketepatan sasaran payung terjun dan juga aspek lain yang berkaitan.

"Seterusnya, penggunaan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris semasa pembentangan juga dilihat dapat memberi latihan kepada pelajar sebagai persediaan untuk menjadi duta kecil dalam membawa nama Malaysia ke peringkat antarabangsa," katanya ketika berucap pada majlis penutup PTPR di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam usaha menjadikan bidang sains angkasa sebagai sesuatu yang menyeronokkan di samping menguji kemahiran peserta, setiap tahun, pertandingan tersebut cuba menentang cabaran yang berbeza.

Pihaknya berharap ruang dan peluang yang terbuka sewajarnya dimanfaatkan oleh setiap pelajar bagi membuktikan bahawa mereka menahyut cabaran yang tinggi.



DR. MUSTAFA DIN SUBARI



## Info

- Selain dua kategori yang dipertandingkan sebelum ini iaitu roket sasaran dan payung terjun, dua kategori baru iaitu kategori pembentangan dan kategori inovasi bagi memberi peluang kepada setiap pasukan mencipta roket dengan rekaan dan kreativiti sendiri tanpa melibatkan sebarang syarat.
- Sebanyak 15 pasukan bertanding bagi kategori pembentangan, 15 pasukan menyertai kategori sasaran dan 19 pasukan menyertai kategori payung terjun manakala 19 pasukan kategori inovasi bagi merebut Piala Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Setiap pasukan akan diwakili oleh dua orang pelajar dan seorang guru pengiring daripada sekolah-sekolah di 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan.
- Juara bagi pertandingan tersebut menerima Piala Pusingan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, piala dan pingat emas, sijil kecemerlangan, Teleskop R130sf Reflector Astroview EQ Mount bersama Dual Axis Motor Drive millimeter (mm) EC Refractor dan Edukit.

SALAH seorang peserta membuat persiapan akhir dalam acara roket sasaran.

**SAMBUNGAN...**  
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 9**  
**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**



**DR. MUSTAFA** Din Subari (dua dari kanan) bersama para pemenang dan wakil penganjur bersama selepas Pertandingan Teknologi Pelancaran Rocket 2013 di Padang Varsity Universiti Malaya baru-baru ini ini.

PEMERGIAN guru pembimbing Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Selangor, Othman Aripin ke rahmatullah akibat serangan jantung Februari lalu, sedikit pun tidak mematahkan semangat anak didiknya apabila berjaya menjuarai Pertandingan Teknologi Pelancaran Rocket 2013, Peringkat Kebangsaan.

Menceritakan detik penyertaan dalam pertandingan tersebut, guru pembimbing SMK Tunku Abdul Rahman Putra yang baharu, **Mohammed Hadir Badru Zaman**

berkata, kemenangan yang diperolehi oleh pasukannya adalah hasil daripada sokongan dan tunjuk ajar oleh guru pembimbing sebelum ini.

Jika tahun sebelum ini pasukannya tidak memenangi sebarang kemenangan namun tahun ini SMK Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam ini telah berjaya membuktikan kemampuan mereka apabila berjaya merangkul ketiga-tiga kemenangan dalam empat kategori yang dipertandingkan.

Tambah Mohammed Hadir, di samping semangat yang dibawa oleh dua orang pelajarnya, sokongan padu pihak sekolah dan kajian mendalam setiap kali latihan juga akhirnya membuahkan hasil. Biarpun pelajar hanya mengambil masa selama empat bulan membuat latihan namun konsep yang diterapkan oleh guru pembimbing sebelum ini berjaya mencungkil bakat mereka bagi menghasilkan roket air yang terbaik.

Dua pelajarnya, Mohd. Ikbal Ngazuddin dan Muhammad Farhan Roslan merupakan pelajar tingkatan empat sekolah tersebut telah dilatih sejak awal tahun sebelum menyertai pertandingan peringkat negeri.

Setelah berjaya di peringkat negeri, mereka mara ke peringkat kebangsaan dan akhirnya berjaya menewaskan sekolah-sekolah seluruh Malaysia untuk muncul sebagai pasukan terbaik keseluruhan.

Pertandingan Teknologi Pelancaran Rocket (PTPR) peringkat kebangsaan kali ke-11 anjuran Agensi Angkasa Negara dengan kerjasama Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan dan Universiti Malaya.

Pertandingan ini merupakan sebuah projek sains merentas kokurikulum sekolah menengah dalam negara,

PTPR merupakan terjemahan penggunaan aplikasi bidang sains angkasa kepada pelajar.

Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah di seluruh negara dan yang menariknya, penyertaan tahun ini juga dibuka kepada pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) serta sekolah swasta.

Seramai 38 orang peserta daripada 19 buah pasukan telah menyertai pertandingan tahun ini.

Johan pertandingan juga akan dihantar ke Hanoi, Vietnam untuk mewakili Malaysia ke Pertandingan Rocket Air di peringkat Asia Pasifik anjuran Forum Agensi Angkasa Rantau Asia Pasifik (ARPSAF).

Menurut Ketua Pengarah Angkasa, **Dr. Mustafa Din Subari**, program yang diadakan setiap tahun dilihat semakin matang.

"Ini dapat dilihat dengan peningkatan daya kreativiti para peserta serta format pertandingan yang meliputi aspek teknikal seperti pembentangan projek, ketepatan sasaran, penggunaan payung terjun dan aspek-aspek yang lain," katanya.

Ketika ditanya mengenai persediaan pasukan SMK Tunku Abdul Rahman Putra, Sabak Bernam untuk ke pertandingan peringkat Asia Pasifik yang bakal dilangsungkan di Vietnam, Mohammed Hadir berkata, pasukannya sedang mengkaji strategi terbaik untuk tujuan tersebut.

Namun ujarnya, kajian yang menyeluruh akan dibuat mengenai inovasi terkini di samping penguasaan bahasa Inggeris antara yang perlu dipertingkatkan di kalangan anak didik beliau kerana pada pertandingan peringkat Asia Pasifik segala pembentangan dan penerangan projek perlu disampaikan dalam bahasa tersebut.

Jelasnya, pasukannya akan meneruskan sesi latihan seperti biasa di samping membuat persediaan rapi dalam membawa nama Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi.



**MOHAMMED HADIR BADRU ZAMAN**

**Biarpun pelajar hanya mengambil masa selama empat bulan membuat latihan namun konsep yang diterapkan oleh guru pembimbing sebelum ini berjaya mencungkil bakat mereka bagi menghasilkan roket air yang terbaik**

